

'Kemuka alternatif bantu pesawah'

M/S: 2

BH - 8/12/2022

Anwar terbuka terima idea pelbagai pihak untuk bela petani miskin

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mempelawa semua pihak mengusulkan langkah pilihan berbanding sekadar menyanggah usaha kerajaan dalam membantu pesawah miskin.

Tegas Perdana Menteri, beliau terbuka untuk menerima cadangan lebih baik demi membela kepentingan rakyat, terutama pesawah miskin.

"Tumpuan kita saat ini adalah menggunakan kuasa untuk membela kepentingan rakyat, terutamanya pesawah miskin. Kalau ada pihak lain yang ingin menyanggah usaha kerajaan dalam membantu pesawah miskin, pihak tersebut dipersilakan mengusulkan alternatif.

"Saya terbuka menerima cadangan yang lebih baik," katanya melalui Twitter dan Facebooknya, semalam.

Kenyataan Anwar itu dipercayai merujuk pengumuman beliau berhubung syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) sebelum ini yang dipolitikkan se-

hingga dituduh sebahagian usaha merobohkan empayar perniagaan, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary.

Sebelum ini, kerajaan mengarahkan BERNAS menyalurkan peruntukan RM10 juta kepada pesawah miskin bulan ini dan RM50 juta tahun hadapan, demi kepentingan rakyat dan pesawah miskin termasuk di Kedah dengan kelulusan itu dibuat selepas berunding dengan Syed Mokhtar.

Dalam pada itu, Perdana Menteri melalui video di Facebook yang memetik kenyataannya pada sidang media di Kementerian Kewangan semalam, menegaskan, isu membantu rakyat miskin tidak wajar dipolitikkan.

BERNAS beri jaminan

Ia, kata Anwar, sebaliknya perlu dibuktikan dengan tindakan dan bukan sekadar laungan politik yang disulam sentimen Melayu dan Islam semata-mata.

"Kita tengok sikap pemimpin bercakap soal Melayu dan Islam berdegar-degar, tetapi bila kita kata nak pulangkan sedikit kepada pesawah padi, dia nak pertahankan juga tauke besar. Syed Mokhtar setuju dengan saya. BERNAS boleh beri jaminan penyelesaian dan keadilan kepada pesawah padi yang miskin.

"Apa yang jadi masalah sangat ini dalam negara kita? Apa yang nak dipolitikkan," katanya dipercayai merujuk kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor.

Terdahulu, Pengerusi Perika-

tan Nasional (PN) Kedah yang juga Pengarah Pilihan Raya PAS itu dipetik mendakwa, Anwar hanya berani menegur Syed Mokhtar berbanding tokoh korporat terkaya di Malaysia lain kerana usahawan itu adalah Melayu dan mudah dibuli.

Dalam video sama, Anwar menegaskan, keputusannya berhubung isu monopoli itu bukan mudah, namun dapat diputuskan hanya dalam tempoh sehari beliau memulakan tugas rasmi sebagai Menteri Kewangan.

"Saya ambil keputusan dan bukan mudah kerana berdepan dengan konglomerat yang berbillion (ringgit). Ini semua syarikat yang paling kaya dalam negara kita, tetapi saya ambil keputusan dasar.

"Maknanya empat menteri (kanan bawah kerajaan lalu) tidak ada upaya. Seorang Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah mengambil tindakan dalam masa satu hari untuk membuat keputusan," katanya.

Beliau menegaskan tidak berniat merobohkan empayar Syed Mokhtar, namun teguran dan arahan kepada jutawan Melayu itu adalah usahanya mencari jalan bagi membantu golongan petani miskin sejak sekian lama.

"Kalau tidak sokong tidak apa, tetapi tidak perlu caci. Saya tahu dia (Syed Mokhtar adalah pemilik) syarikat besar, bukan maksud saya nak robohkan empayar dia. Sebagai Menteri Kewangan dan Perdana Menteri, (saya) cari jalan bagaimana ini boleh dilakukan," katanya.